

**PEMBINAAN DAN KESAN MODUL TERAPI
SENI DALAM PENGURUSAN KEMARAHAN
REMAJA**

SHAMSHUL AZURA BIN MD YUSOF

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2021

**PEMBINAAN DAN KESAN MODUL TERAPI
SENI DALAM PENGURUSAN KEMARAHAN
REMAJA**

oleh

SHAMSHUL AZURA BIN MD YUSOF

**Tesis yang diserahkan untuk
Memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

April 2021

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T. serta selawat salam ke atas Baginda Rasulullah S.A.W. Dengan izin dan limpah kurniaNYA serta berkat kesungguhan, akhirnya kajian ini telah berjaya disempurnakan walaupun melalui pelbagai cabaran dan rintangan.

Di sini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih, setinggi-tinggi penghargaan dan sekalung budi kepada Prof. Madya Dr. Nor Shafrin Ahmad selaku penyelia utama dan Prof. Madya Dr. Rahimi Che Aman selaku penyelia bersama atas ketinggian kesabaran mereka membimbing saya serta menyumbang idea sepanjang kajian ini dilaksanakan. Tidak lupa juga kepada Dekan, Timbalan Dekan dan semua pensyarah serta kakitangan di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, USM yang telah banyak menyumbang bakti serta memberi panduan yang bernilai sepanjang pelaksanaan kajian ini. Penghargaan juga saya tujukan kepada pakar-pakar dalam bidang terapi seni dan kaunseling psikologi, guru-guru serta pelajar-pelajar di daerah Barat Daya, Pulau Pinang yang terlibat sebagai responden yang terlibat dalam kajian ini. Tidak ketinggalan juga kepada pengetua sekolah-sekolah tersebut yang telah memberikan kerjasama kepada saya untuk melaksanakan kajian ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan buat insan tersayang iaitu isteri tercinta Irma Suriatey Mohamad yang menjadi peneman dan pemberi semangat, sentiasa memahami serta sentiasa mendoakan kejayaan saya. Buat anak-anak yang dikasihi Mubarak Ali dan Hurun Ain, kalian banyak memberikan semangat dan motivasi untuk meneruskan perjuangan ini. Sesungguhnya

pengorbanan kalian amat dihargai. Tidak lupa juga bacaan Al-Fatihah dan doa saya buat kedua arwah ayah dan ibu saya yang sentiasa dalam ingatan. Terima kasih juga tujuh orang adik beradik saya, serta keluarga ibu mertua yang sentiasa di samping saya yang tidak pernah jemu memberi kata-kata semangat dan dorongan sehingga tesis ini berjaya disiapkan. Terima kasih semua atas kesabaran dan keyakinan yang telah diberikan untuk kesempurnaan kajian ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu sepanjang kajian ini dijalankan. Semoga Allah S.W.T. memberikan ganjaran yang baik atas budi yang telah dicurahkan dan sentiasa mendapat rahmat dariNya.

Sekian,

Shamshul Azura bin Md Yusof

April 2021.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
ABSTRAK	xv
ABSTRACT	xvii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah.....	7
1.4 Objektif Kajian.....	16
1.5 Persoalan Kajian	17
1.6 Hipotesis Kajian.....	17
1.7 Rasional Kajian	17
1.8 Kepentingan Kajian	18
1.8.1 Kaunselor dan Kaunselor pelajar	18
1.8.2 Pengkaji.....	19
1.8.3 Remaja	19
1.8.4 Kementerian Pendidikan Malaysia	19
1.9 Batasan Kajian	20
1.10 Definisi Istilah.....	20
1.10.1 Modul.....	20
1.10.2 Terapi Seni	21
1.10.3 Kemarahan	21

1.10.2	Remaja	22
1.11	Kerangka Konsep Kajian	23
1.12	Kesimpulan	25
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR.....	26
2.1	Pendahuluan	26
2.2.	Pengenalan Kemarahan.....	26
2.2.1	Punca Kemarahan	31
2.2.2	Kesan Kemarahan	34
2.2.3	Kepentingan Pengurusan Kemarahan	41
2.3	Teori Kemarahan Sifat dan Tret Charles D. Spielberger (1983)	43
2.4	Terapi Seni	47
2.5	Model <i>Expressive Art Therapy-Person Centred Theory</i> (EAT-PCT) Natalie Rogers (1993)	48
2.6	Model Pembinaan Modul Rusell (1974).....	53
2.6	Kaunseling Kelompok	55
2.6.1	Peringkat Pembentukan Kumpulan.....	56
2.6.2	Peringkat Permulaan	57
2.6.3	Peringkat Peralihan	58
2.6.4	Peringkat Bekerja.....	59
2.6.5	Peringkat Akhir (Penamatan).....	61
2.6	Kajian-kajian Lepas Pengurusan Kemarahan dan Terapi Seni	62
2.7	Kerangka Teori Kajian.....	72
2.8	Kesimpulan	75
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	76
3.1	Pendahuluan	76
3.2	Reka Bentuk Kajian	76
3.2.1	Kaedah Kualitatif	78
3.2.2	Kaedah Kuantitatif	78

3.3	Prosedur Pemilihan Sampel Kajian (Peserta Modul).....	79
3.4	Prosedur Pemilihan Kaunselor Pelajar (Pelaksana Modul)	81
3.5	Instrumen Kajian.....	83
3.6	Kesahan Modul	86
3.7	Kebolehpercayaan Modul	88
3.8	Prosedur Analisis Data.....	89
3.9	Peranan Kaunseling Kelompok Dalam Intervensi Terapi Seni	93
3.10	Kesimpulan	97
BAB 4	PEMBINAAN MODUL	98
4.1	Pendahuluan.....	98
4.2	Pengertian Modul.....	98
4.3	Latar Belakang Pembinaan Modul.....	101
4.4	Tujuan Pembinaan Modul.....	102
4.5	Proses Pembinaan Modul TASMAR	103
4.5.1	Menentukan Objektif Modul.....	105
4.5.2	Membina Soalan atau Item Ukuran	105
4.5.3	Menganalisis dan Menentukan Pencapaian Pelajar.	106
4.5.4	Susun Aktiviti Modul Ikut Urutan dan Pemilihan Bahan.....	107
4.5.5	Proses Mencuba Modul Terhadap Pelajar	108
4.5.6	Menentukan Kesahan Modul	108
4.5.7	Kebolehpercayaan Modul	109
4.6	Kajian Rintis	110
4.6.1	Dapatan Kajian Rintis	112
4.6.2	Dapatan Temu Bual dengan Sampel.....	117
4.6.3	Refleksi Kaunselor Pelajar (Pelaksana Modul)	120
4.7	Kesimpulan	122

BAB 5	DAPATAN KAJIAN.....	123
5.1	Pendahuluan	123
5.2	Tahap Kemarahan Remaja	123
5.3	Tahap Kemarahan Remaja Berdasarkan Jantina.....	124
5.4	Dapatan Kajian Pembinaan Modul Terapi Seni Dalam Pengurusan Kemarahan Remaja.....	126
5.5	Kesahan Modul TASMAR	132
5.6	Kebolehpercayaan Modul TASMAR	134
5.7	Dapatan Kualitatif Kesan Modul TASMAR.....	136
5.7.1	Memberi Pengetahuan Baru.....	138
5.7.1(a)	Cara Mengawal Marah	138
5.7.1(b)	Kesan Negatif Kemarahan	140
5.7.2	Meluahkan Kemarahan	141
5.7.2(a)	Mengurangkan Emosi Marah	146
5.7.2(b)	Meredakan Marah	147
5.7.3	Menyembuhkan Emosi	148
5.7.3(a)	Memberi Kelegaan	150
5.7.3(b)	Memberi Ketenangan	151
5.7.3(c)	Berasa Seronok.....	151
5.7.3(d)	Menghilangkan Stres.....	153
5.7.4	Perubahan Diri	154
5.7.4(a)	Tidak Lagi Menjerit	155
5.7.4(b)	Boleh Bersabar	155
5.7.4(c)	Boleh Mengawal Marah.....	156
5.7.4(d)	Tidak Lagi Menumbuk dan Menendang.....	156
5.7.4(e)	Tidak Lagi Memaki Orang.....	157
5.7.7	Memberi Motivasi.....	157
5.8	Pandangan Kaunselor pelajar Sebagai Pelaksana Modul	158

5.8.1	Membantu Mengurus Marah.....	159
5.8.1(a)	Membantu Meluahkan Marah	161
5.8.1(b)	Membantu Menyembuhkan Emosi Marah.....	164
5.8.2	Menguli Kemarahan Paling Disukai Untuk Meluahkan Marah	164
5.8.3	Lukisan Impian Hidupku Paling Disukai Pelajar Untuk Penyembuhan Marah.	166
5.8.4	Pelajar Seronok	168
5.8.5	Perubahan Diri	170
5.8.5(a)	Perubahan Tutar Kata atau Percakapan	172
5.8.6	Menimbulkan Kesedaran Diri.....	173
5.8.7	Tidak Membosankan Pelajar.....	174
5.8.8	Penerokaan Lebih Mendalam.....	175
5.8.9	Membantu Mengenali Personaliti	177
5.8.10	Mudahkan Pembinaan Rapo	178
5.8.11	Mudah Hadir Sesi Kaunseling	178
5.8.12	Sesuai Untuk Kaunselor pelajar.....	179
5.8.13	Sesuai Lapan Sesi Modul.....	181
5.8.14	Tempoh Masa Sesuai	183
5.8.15	Mudah Difahami	185
5.8.16	Mudah Ditadbir	187
5.8.17	Kurangkan Sesi Peluahan Marah.....	188
5.8.18	Tambahkan Sesi Penyembuhan Marah.....	190
5.8.19	Bebas Memilih Bahan.....	191
5.9	Dapatan Kuantitatif Kesan Modul Terapi Seni Dalam Pengurusan Kemarahan Remaja.....	192
5.9.2	Kesan Modul Terapi Seni Terhadap Pengurusan Kemarahan Remaja	193

5.9.3	Kesan Modul Terapi Seni Terhadap Pengurusan Kemarahan Remaja Berdasarkan Jantina	193
5.9.4	Kesan Modul Terapi Seni Terhadap Pengurusan Kemarahan Remaja Berdasarkan Masa.....	194
5.10	Kesimpulan	194
BAB 6	PERBINCANGAN.....	196
6.1	Pengenalan	196
6.2	Tahap Kemarahan Remaja.....	196
6.3	Tahan Kemarahan Remaja Mengikut Jantina	197
6.5	Rumusan Pembinaan Modul Terapi Seni Pengurusan Kemarahan Remaja (TASMAR)	200
6.6	Kesan Modul Terapi Seni Dalam Pengurusan Kemarahan Remaja	204
6.6.1	Modul TASMAR Sebagai Intervensi.....	207
6.6.2	Kandungan Modul	210
6.6.3	Komitmen dan Kelebihan	211
6.6.4	Kemahiran Profesional.....	212
6.6.5	Pencapaian	212
6.7	Ringkasan Maklum Balas Kesan Modul TASMAR.....	213
6.8	Implikasi Hasil Penyelidikan	216
6.9	Cadangan Untuk Penyelidikan Masa Depan.....	222
6.10	Kesimpulannya	223
	RUJUKAN	225
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1 Perincian Pembahagian Sampel Kajian.....	80
Jadual 3.2 Nombor Item dalam STAXI-2 C/A Mengikut Konstruk.....	84
Jadual 3.3 Diskriptif (Keterangan) Konstruk-konstruk Instrumen STAXI-2 C/A.....	84
Jadual 3.4 Keterangan Peratus Skor STAXI-2 C/A.....	85
Jadual 3.5 Garis Panduan Interpretasi Peratus Skor STAXI-2 C/A.....	85
Jadual 3.6 Senarai Pakar Kesahan Modul.....	87
Jadual 3.7 Ringkasan Soalan Kajian dan Jenis Analisis Data.....	92
Jadual 3.8 Ringkasan Aktiviti, Objektif dan Teknik Modul TASMAR.....	96
Jadual 4.1 Perincian Pakar-Pakar Penasihat Dalam Menghasilkan Modul.....	106
Jadual 4.2 Keputusan Ujian Pra Dan Ujian Pos STAXI-2 CA.....	112
Jadual 5.1 Min Skor Kemarahan Remaja.....	124
Jadual 5.2 Interpretasi Tahap Kemarahan STAXI-2 C/A.....	124
Jadual 5.3 Tahap Kemarahan Remaja Berdasarkan Jantina.....	124
Jadual 5.4 Analisis Ujian Levene.....	125
Jadual 5.5 Analisis Perbezaan Tahap Kemarahan Remaja Berdasarkan Jantina.....	126
Jadual 5.6 Senarai Pakar Rujukan Dalam Pembinaan Modul.....	127
Jadual 5.7 Fasa-fasa Modul TASMAR Cadangan Pakar.....	130
Jadual 5.8 Ringkasan Modul Terapi Seni Pengurusan Kemarahan Remaja (Modul TASMAR).....	131
Jadual 5.9 Senarai Pakar Kesahan Modul.....	132
Jadual 5.10 Nilai Skor Pakar Terhadap Tahap Penguasaan Kesahan Modul.....	133
Jadual 5.11 Skor Kebolehpercayaan Modul.....	135

Jadual 5.12	Responden Remaja (Pelajar).....	136
Jadual 5.13	Responden Kaunselor.....	159
Jadual 5.14	Analisis Perbezaan Kesan Modul Terhadap Pengurusan Kemarahan Remaja.....	193
Jadual 5.15	Analisis Perbezaan Kesan Modul Terapi Seni Terhadap Pengurusan Kemarahan Remaja Berdasarkan Jantina.....	193
Jadual 5.16	Analisis Kesan Modul Terapi Seni Terhadap Pengurusan Kemarahan Remaja Berdasarkan Masa.....	194

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1	Kerangka Konsep Kajian.....24
Rajah 2.1	Skala Kemarahan (Stuart & Laraia, 2005).....30
Rajah 2.2	Model Intergrasi Expressive Art Therapy dengan Teori Pemusatan Insan.....51
Rajah 2.3	Kerangka Teoritikal Kajian.....74
Rajah 3.1	Sequential Explanatory Design (Sumber daripada Creswell & Creswell, 2017).....77
Rajah 3.2	Formula Tahap Penguasaan Kesahan Kandungan.....87
Rajah 3.3	Proses Analisis Data Kualitatif.....91
Rajah 4.1	Model Pembinaan Modul Rusell (1974).....104
Rajah 5.1	Ringkasan Tematik Data Kualitatif.....137

SENARAI SINGKATAN

AC	Anger Control
AIDS	Acquired Immuno Deficiency Syndrome
APA	American Psychological Association
AX-I	Anger Expression-In
AX-O)	Anger Expression-Out
CAD	Coronary Artery Disease
DSM-V	Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders V
EAT	Expressive Art Therapy
IPG	Institut Pendidikan Guru
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
PCT	Person Centred Theory
PLKN	Program Latihan Khidmat Negara
PTSD	Post Traumatic Stres Disorder
REBT	Rational Emotive Behavior Therapy
S-Ang	State Anger
S-Ang/F	State Anger-Feelings
S-Ang/VP)	State Anger-Expression
STAXI-2 CA	State-Trait Anger Expression Inventory-2 Child and Adolescent
T-Ang	Trait Anger
T-Ang/R	Trait Anger-Reaction
T-Ang/T	Trait Anger Temperament
TASMAR	Terapi Seni Dalam Pengurusan Kemarahan Remaja

USM Universiti Sains Malaysia
WHO World Health Organization

**PEMBINAAN DAN KESAN MODUL TERAPI SENI
DALAM PENGURUSAN KEMARAHAN REMAJA**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membina Modul Terapi Seni Dalam Pengurusan Kemarahan Remaja (TASMAR) dan mengkaji kesan modul tersebut. Kajian ini juga untuk mengenal pasti kesahan dan kebolehpercayaan modul. Nilai kesahan modul adalah 82.28 peratus manakala nilai *alpha cronbach's* bagi kebolehpercayaan modul adalah .96. Sampel dikenal pasti melalui kaedah persampelan bertujuan. Sampel terdiri daripada remaja yang mendapat skor tahap kemarahan 76-100 dalam ujian *State-Trait Anger Expression Inventory-2 Child and Adolescent* (STAXI-2 C/A). Bagi melihat kesan modul, rekabentuk kajian kuasi eksperimen digunakan dengan gabungan kaedah kuantitatif dan kuantitatif. Keputusan kuantitatif mendapati terdapat perbezaan yang signifikan kesan modul terhadap kemarahan remaja, nilai $t=2.83$, $df=71$, $p=0.00$ ($p<.05$). Kesan modul terhadap pengurusan kemarahan remaja berdasarkan jantina menunjukkan perbezaan yang signifikan, nilai $t=5.86$, $df=70$, $p=.000$ ($p<.05$). Seterusnya, terdapat perbezaan yang signifikan kesan modul terhadap pengurusan kemarahan remaja berdasarkan masa, nilai $t6.54$, $df=71$, $p=.000$ ($P>.05$). Secara kuantitatif, modul berkesan dalam pengurusan kemarahan terhadap remaja lelaki dan perempuan. Modul juga berkesan secara kualitatif dengan hasil dapatan temu bual yang membentuk tema-tema yang menunjukkan kesan positif modul terhadap remaja iaitu memberi pengetahuan baru, meluahkan kemarahan, menyembuhkan emosi, merubah diri dan memberi motivasi. Impikasi kajian ini, remaja dapat diberikan kemahiran mengatasi kemarahan. Hal ini dapat mengurangkan kesan negatif kemarahan seperti salah laku, jenayah serta masalah

kesihatan mental dan fizikal. Kajian ini juga memberi sumbangan ilmu dalam penghasilan modul intervensi kaunseling menggunakan pendekatan terapi seni.

DEVELOPMENT AND EFFECT OF ART THERAPY MODULE IN ADOLESCENT ANGER MANAGEMENT

ABSTRACT

Anger is an emotion experienced by anyone and can be triggered by certain factors regardless of time, situation and place. This research is carried out with the purpose of developing a Adolescent Anger Management Art Therapy Module (TASMAR) and to study the effects of the module. This research also aims to identify the validity and the reliability of the module. The value of the module's reliability is 82.28 percent whereas the alpha Cronbach's value for the module's reliability is .96. The sample is identified by using purposive sampling method. The sample consists of teenagers who obtained anger score value of 76-100 in their State-Trait Anger Expression Inventory-2 Child and Adolescent (STAXI-2 C/A). The researcher designed a Quasi-Experimental test to observe the module's outcomes by using a combination of qualitative and quantitative method. From this research, it is discovered that there is a significant effect towards anger management among the teenagers, value $t=2.83$, $df=71$, $p=0.00$ ($p<.05$). The module effect towards anger management based on gender shows distinctive results, value $t=5.86$, $df=70$, $p=.000$ ($p<.05$) There are also significant differences towards anger management among teenagers based on time, value $t6.54$, $df=71$, $p=.000$ ($P>.05$). Quantitatively, the module is proven to be effective among male and female teenagers in handling anger management. The valuation of the anger level score of the STAXI-2 C/A test shows that the module is effective quantitatively. Based on the interview findings, the module is also effective qualitatively as some themes are formed which indicated positive implications including the delivery of newfound knowledge, expressing

anger, curing emotions, changing one's self and giving motivation. The implication of the module shows that the students would rather be given skills to overcome anger. This matter could decrease negative effects of anger such as bad behaviours, severe crimes, and mental and physical health problems. This research will benefit as a knowledge provider in building a counselling intervention module by using Art Therapy Approach.

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Faupel, Herrick dan Sharp (2017) menyatakan bahawa manusia mempunyai pelbagai jenis emosi sama ada bersifat positif ataupun bersifat negatif. Emosi positif adalah seperti sayang, kasih, suka, dan cinta manakala emosi negatif pula adalah seperti benci, geram dan marah (Faupel, Herrick & Sharp, 2017). Marah adalah antara emosi negatif yang sering dialami manusia dalam pengalaman kehidupan (Shaffer, 2009). Walaupun marah adalah emosi yang negatif, namun bagi pakar-pakar dalam kajian kemarahan seperti Tafrate, Kassinove dan Dundin (2002), Sukhodolsky, Kassinove dan Gorman (2004) melihat kemarahan sebagai emosi normal yang perlu ada bagi seseorang normal. Namun demikian mereka semua sepakat dan bersetuju bahawa kegagalan mengurus dan mengawal kemarahan, boleh menyebabkan kemarahan yang melampau dan *disorder*. Tokoh-tokoh ini juga sebulat suara menyatakan bahawa keadaan ini mencetuskan tindakan fizikal seperti memukul, mendera, menyeksa dan membunuh.

Bagi Mc Linton dan Dollard (2010), kemarahan pada pandangan mereka adalah emosi yang boleh dialami oleh sesiapa sahaja serta boleh tercetus tanpa mengira masa, situasi dan tempat. Kanak-kanak, remaja, orang dewasa dan warga tua mengalami perasaan marah atas pelbagai alasan (Phillips, Henry, Hosie & Milne, 2006). Demikianlah halnya dengan golongan remaja. Menurut Averill (2012), sekiranya remaja gagal mengawal dan mengurus kemarahan yang dialami, mereka

berkemungkinan bertindak secara negatif hingga terlibat dalam banyak kes salah laku dan jenayah. Justeru, kajian pembinaan Modul Terapi Seni Dalam Pengurusan Kemarahan Remaja (TASMAR) ini dibuat. Pembinaan modul ini, sedikit sebanyak dapat menyumbang dalam kesejahteraan kehidupan remaja khususnya di Malaysia.

1.2 Latar Belakang Kajian

Ahli falsafah Yunani Aristotle pernah menyebut dalam *The Nicomachean Ethics* yang bermaksud, “Sesiapapun boleh marah dan ia sangat mudah. Tetapi, untuk marah pada orang yang tepat, pada kadar kemarahan yang tepat, pada masa yang tepat, atas alasan yang tepat dan cara marah yang tepat, amatlah sukar” (Gautam 2013). Kenyataan Aristotle ini jelas menunjukkan bahawa topik kemarahan bukanlah perkara baru dalam sejarah perkembangan manusia. Bagi tokoh-tokoh psikologi kaunseling seperti Ellis dan Tarfate (1998), isu-isu tentang kemarahan sentiasa wujud selagi wujudnya manusia.

Menurut Potegal dan Novaco (2010), cerita-cerita yang berkaitan emosi marah atau kemarahan dalam kalangan manusia telah bermula pada zaman kuno lagi. Pelbagai cerita, mitos, dan kepercayaan agama dahulu kala telah mendedahkan betapa ‘kemarahan’ memainkan peranan yang kuat dalam hal ehwal kehidupan manusia pada awal catatan sejarah. Potegal dan Novaco (2010) turut menyatakan bahawa masyarakat pada zaman kuno dan pra celik menganggap kemarahan alam ghaib selalunya diterjemahkan melalui ‘gangguan alam’ yang menakutkan serta memberi kesan buruk kepada manusia. Oleh sebab itu, masyarakat ketika itu berusaha untuk menjadi ‘baik’, berakhlak dan sempurna dalam bertingkah laku, bagi ‘mengelak kemarahan alam ghaib’ (Potergal & Novaco, 2010).

Walau apapun sejarah dan cerita tentang kemarahan, setiap manusia mengalami kemarahan dalam pengalaman kehidupan masing-masing (Kassinove 2009). Hal ini kerana marah adalah emosi asas yang dialami oleh semua manusia (Kassinove & Tafrate, 2019). Manusia mengalami kemarahan sebagai tindak balas terhadap tingkah laku yang tidak diingini atau tidak dijangka oleh orang lain. Namun begitu, kemarahan yang normal adalah berbeza dengan kemarahan yang berlebihan, melampau atau kemarahan yang abnormal (Jackson, Kuppens, Sheeber & Allen, 2011).

Bagi Golden, Williams, Ford, Yeh, Sanford, Nieto dan Brancati (2006), kemarahan bersifat normal sekiranya seseorang yang marah masih mampu untuk berfikiran rasional dengan mengekspresikan emosi marah dengan cara yang boleh diterima oleh undang-undang dan norma masyarakat. Sebaliknya kemarahan menjadi abnormal sekiranya kemarahan itu melampau, gagal dikawal dan gagal diurus, mencetuskan tindakan-tindakan luar jangka yang negatif, di luar norma dan menyalahi undang-undang (Lemerise & Dodge, 2008).

Namun, walau apapun alasan dan punca kemarahan, banyak kesan negatif boleh berlaku sekiranya kemarahan tidak diurus dengan baik (Kassinove, 2009). Antara kesan negatif sekiranya kemarahan gagal dikawal dan diurus adalah penderaan kanak-kanak oleh ibu bapa sendiri (Norisham, 2013). Kemarahan turut menyebabkan penderaan dan penganiayaan suami terhadap isteri dalam banyak kes keganasan rumah tangga (Webb, 2004). Sifat cemburu suami yang melampau menurut Webb (2004), telah mencetuskan kemarahan yang tidak terkawal hingga sanggup membunuh pasangan mereka.

Bagi Horman-Jones dan Horman Jones (2007), kemarahan boleh menyebabkan konflik dan pergaduhan antara individu, keluarga, kelompok masyarakat, konflik antara kaum dan konflik antara negara. Tambah mereka, konflik dan pergaduhan yang berpunca daripada kemarahan, kadang-kala berlarutan sehingga menyebabkan kecederaan dan pembunuhan. Lebih dasyat lagi menurut Horman-Jones dan Horman Jones (2007), kemarahan antara negara berkonflik, boleh berlarutan sehingga menyebabkan tercetusnya peperangan yang menyebabkan kematian ramai manusia yang tidak berdosa serta kemusnahan harta benda.

Demikian juga dengan kemarahan dalam kalangan remaja, banyak kesan negatif yang timbul akibat kegagalan mengawal dan mengurus kemarahan (Averill, 2012). Remaja yang mengalami kemarahan lebih cenderung untuk mengekspresikan kemarahan dengan bertingkah laku agresif dan negatif (Averill, 2012; Kassinove, 2002). Akibatnya, remaja terlibat dalam banyak kes salah laku dan juvana (Kassinove, 2009; Averill, 2012; Davis, 2014). Remaja di Malaysia juga menghadapi isu yang sama. Menurut Norisham (2013) kemarahan menyebabkan remaja-remaja sekolah terlibat dalam salah laku disiplin dan kes juvana.

Kajian yang dijalankan oleh Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan (2011) mendapati, 74.5% sampel remaja yang terlibat dalam pelbagai permasalahan sosial, disebabkan kemarahan. Statistik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2012) menunjukkan seramai 107191 pelajar sekolah di negara ini terlibat dengan kes salah laku disiplin. 73.1% daripada jumlah itu adalah terdiri daripada pelajar-pelajar di sekolah menengah. Malahan menurut Ahmad Zahid Hamidi (2014), telah berlaku peningkatan 47 peratus kadar jenayah membabitkan kanak-kanak dan remaja

dari tahun 2012 ke tahun 2013. Peningkatan berkemungkinan berpunca dari isu kemarahan kerana menurut Kassinove (2009) dan Averill (2012) kemarahan dalam kalangan remaja menyebabkan mereka terlibat dalam banyak kes salah laku, juvana dan jenayah.

Di Malaysia, terdapat kes-kes salah laku dan juvana yang dilaporkan berpunca daripada isu kemarahan. Antaranya, kes pergaduhan 40 orang remaja sekolah yang berlaku pada 29 Februari 2008 yang telah dilaporkan dalam akhbar Berita Harian. Soal siasat polis mendapati, pergaduhan berpunca daripada ejek-mengejek serta kata-kata kesat dan lucah antara dua kumpulan pelajar. Akibat terlalu marah, kedua-dua kumpulan pelajar ini telah bertindak menyerang dan memukul dengan menggunakan besi dan kayu sehingga menyebabkan kecederaan parah.

Akhbar Utusan Malaysia turut melaporkan kejadian pergaduhan membabitkan 25 orang remaja lelaki sekolah menengah pada 19 Mei 2010. Siasatan polis mendapati pergaduhan berpunca daripada kemarahan satu kumpulan pelajar terhadap kumpulan pelajar yang lain yang telah mengejek dan menunjukkan isyarat lucah. Kemarahan juga menjadi punca cubaan seorang remaja lelaki mencederakan gurunya pada 14 Januari 2014. Kejadian ini dilaporkan dalam akhbar Berita Harian. Remaja lelaki tersebut cuba untuk mencederakan gurunya menggunakan pisau kerambit. Menurut siasatan polis, kejadian berpunca akibat perasaan marah kerana guru tersebut menegur gaya rambut yang menyalahi peraturan sekolah.

Remaja yang mengalami kemarahan bukan sahaja terlibat dalam salah laku dan kes juvana. Malahan menurut Davis (2014), Averill (2012) dan Kassinove (2009) remaja yang gagal mengawal kemarahan turut terlibat dalam jenayah membunuh. Di Malaysia, keterlibatan remaja dalam kes pembunuhan amat mebingungkan. Statistik Ibu Pejabat Polis Bukit Aman menunjukkan pada tahun 2005, seramai 28 remaja telah disabitkan dengan kes jenayah membunuh. Lebih mebingungkan apabila Ahmad Zahid Hamidi (2014), menyatakan berlaku peningkatan 20 peratus daripada tahun 2012 ke tahun 2013 dalam kes remaja membunuh.

Akhbar Berita Harian melaporkan pembunuhan seorang remaja perempuan di Terengganu pada 3 November 2020 oleh rakannya sendiri. Hasil siasatan polis mendapati kejadian ini berpunca daripada pertelingkahan yang mencetuskan kemarahan dan berakhir dengan tragedi pembunuhan. Kemarahan remaja sehingga terlibat dalam jenayah membunuh turut berlaku di luar negara. Laporan akhbar Berita Harian memaparkan kejadian remaja lelaki membunuh ayahnya pada 11 Disember 2020, Siasatan polis mendapati remaja tersebut bertindak sedemikian kerana marah dengan ayahnya yang sering memarahi dan memukulnya dan ibunya. *BBC News Online* pula melaporkan kejadian seorang remaja lelaki yang membunuh seorang warga emas. pada 29 April 2013, di Birmingham, seorang remaja telah membunuh seorang warga emas. Hasil siasatan polis mendapati remaja itu membunuh kerana marah dan dendam terhadap orang Islam yang dianggap pengganas. Siasatan polis juga mendapati, remaja berkenaan juga, pernah cuba untuk meletupkan tiga masjid berdekatan kawasan Birmingham disebabkan perasaan marah dan dendamnya terhadap orang Islam.

Di Malaysia, antara kes pembunuhan yang berpunca daripada kemarahan remaja adalah kes bunuh seorang pelatih PLKN yang berlaku pada 8 Oktober 2013 menurut laporan akhbar Harian Metro. Siasatan polis mendapati, sekumpulan pelatih PLKN marah terhadap mangsa yang memotong baris ketika beratur untuk mengambil makan tengah hari. Akibatnya, mangsa telah dipanggil ke tandas dan dipukul sehingga mati.

Memandangkan kemarahan dalam remaja ini boleh mendatangkan banyak kesan negatif, maka menjadi satu keperluan untuk membantu para remaja dalam mengurus kemarahan yang dialami. Maka dengan itu, kajian ini dibuat untuk membina satu Modul Terapi Seni Dalam Pengurusan Kemarahan Remaja (TASMAR) bagi membantu remaja mengurus kemarahan ke arah perkembangan sahsiah diri yang lebih positif. Secara tak langsung, kajian ini turut dapat membantu pihak berwajib dalam mengurangkan statistik salah laku disiplin dan jenayah dalam kalangan remaja yang berpunca daripada kemarahan.

1.3 Penyataan Masalah

Kajian membina modul untuk pengurusan kemarahan remaja ini perlu dibuat kerana kegagalan remaja mengurus kemarahan boleh mendatangkan banyak kesan negatif seperti salah laku dan jenayah (Sukhodolsky, Smith, McCauley, Ibrahim & Piasecka, 2016). Hal ini turut diakui oleh Gresham, Melvin dan Gullone (2016) yang menyatakan bahawa remaja gagal mengurus kemarahan sering terlibat dalam salah laku disiplin dan jenayah. Malahan menurut Kassinove (2014), kegagalan mengurus marah boleh menyebabkan seorang remaja mencederakan orang lain serta membunuh. Kassinove (2014) turut menceritakan satu kejadian seorang remaja lelaki

yang gagal mengurus kemarahan. Remaja tersebut telah membunuh teman wanitanya kerana marah mempunyai hubungan sulit dengan lelaki lain. Lelaki tersebut juga turut dibunuh. Bagi Ammerman, Kleiman, Uyeji, Knorr dan McCloskey (2015), remaja yang gagal mengurus kemarahan bukan sekadar boleh menyebabkan kecederaan pada individu lain atau membunuh orang lain, malahan mereka juga bekecenderungan untuk mencederakan diri sendiri dan membunuh diri. Kajian mereka ke atas 2295 remaja menunjukkan kemarahan mempunyai kaitan dengan kecenderungan remaja untuk mencederakan diri dan membunuh diri.

Bagi Aricak dan Ozbay (2016), kajian mereka menunjukkan antara punca remaja terlibat dalam buli siber, pergaduhan siber dan menyerang emosi individu lain secara siber adalah kerana mereka kegagalan mengurus kemarahan. Remaja-remaja ini menjadi medium siber sebagai cara untuk meluahkan kemarahan mereka. Menurut Aricak dan Ozbay (2016), semakin tinggi tahap kemarahan remaja itu, semakin tinggi salah laku buli siber yang dibuat serta semakin ramai yang menjadi mangsa buli mereka. Kajian yang dijalankan oleh Erna Hervina Ahmad (2019) turut menunjukkan salah laku buli dalam kalangan remaja disebabkan kemarahan yang terpendam dan dendam. Remaja-remaja ini menjadikan buli sebagai cara meluahkan kemarahan dan dendam mereka.

Remaja gagal mengurus kemarahan bukan saja terlibat dalam salah laku disiplin dan jenayah malahan dalam kajian oleh Bilsky, Friedman, Karlovich, Smith dan Leen-Feldner (2020), menunjukkan remaja yang gagal mengurus kemarahan menyebabkan mereka mengalami masalah kebimbangan, gangguan tidur dan kemurungan. Hal ini disebabkan sikap mereka yang memendam emosi marah,

berdiam diri dan sentiasa memikirkan yang mereka bersalah serta sering menyalahkan diri sendiri. Mengapa suatu modul bagi mambantu remaja mengurus kemarahan ini perlu dibina? Antara sebabnya adalah kerana Malaysia juga tidak terkecuali dengan isu-isu remaja yang terlibat dalam salah laku dan jenayah kerana gagal mengurus kemarahan.

Di Malaysia, remaja yang terlibat dalam salah laku disiplin dan jenayah, juga mempunyai kaitan dengan isu kemarahan remaja. Kajian Norisham (2013) menunjukkan remaja marah menyatakan kajian yang turut menunjukkan keterlibatan mereka terlibat dalam banyak salah laku jenayah sekiranya remaja gagal mengurus kemarahan. Bagi Kassinove dan Tafrate (2019) kepentingan remaja mengetahui cara mengurus marah sama pentingnya dengan mempelajari mana-mana subjek akademik lain di sekolah. Kegagalan remaja dalam mengurus kemarahan secara positif menyebabkan mereka mengekspresikan kemarahan dengan cara yang negatif hingga terlibat dalam kes-kes salah laku, juvana dan jenayah (Kassinove & Tafrate, 2019; Lee Sui Chin, 2015; Davis, 2014, Norisham, 2013 dan Defenchher, 2011).

Lebih serius lagi apabila ada dapatan kajian yang menunjukkan kegagalan mengurus kemarahan boleh menyebabkan tercetus idea membunuh diri. Dapatan kajian oleh Park (2001) mendapati kemarahan menyebabkan tercetusnya idea ingin membunuh diri dalam diri seseorang. Deffenbacher (2011) turut menyatakan bahawa kemarahan menyebabkan seseorang individu berkecenderungan untuk mencederakan diri mereka sendiri, mencederakan orang lain serta sanggup membunuh.

Dapatan-dapatan temu bual berikut jelas menunjukkan terdapat remaja yang tidak tahu cara mengurus kemarahan serta mengekspresikan emosi marah tersebut dengan cara yang negatif. Kassinove (2009) menceritakan pengalamannya menjalankan sesi kaunseling seorang remaja yang dimasukkan ke pusat juvena atas kesalahan membunuh. Hasil temu bual mendapati remaja ini marah apabila mengetahui teman wanitanya mempunyai hubungan sulit dengan lelaki lain. Akibat terlalu marah, remaja tersebut telah bertindak membunuh teman wanitanya dan lelaki yang disyaknya itu.

Pada bulan November dan Disember 2013, penyelidik bertemu dengan beberapa kaunselor bagi mendapat maklum balas tentang kes-kes kemarahan yang mereka kendalikan. Antaranya adalah seorang kaunselor institut pengajian tinggi yang mengendalikan kes pelajar ingin membunuh diri. Menurut beliau, pelajar tersebut telah menelan beberapa biji panadol dan cuba mengelar pergelangan tangannya. Namun tindakan mangsa telah dapat dihalang oleh rakan-rakan dengan mendapat bantuan pengawal keselamatan dan warden asrama. Mangsa bertindak sedemikian kerana terlalu marah dengan kekasihnya yang memutuskan hubungan mereka sedangkan majlis pertunangan bakal diadakan tiga hari lagi dari hari kejadian. Temu bual turut menyentuh tentang pendekatan yang digunakan oleh kaunselor dalam menangani kemarahan pelajar tersebut. Menurut kaunselor, beliau menjalankan sesi kaunseling individu menggunakan pendekatan REBT.

Temu bual dengan seorang kaunselor sekolah menengah turut mendapati kemarahan merupakan punca seorang remaja perempuan cuba membunuh diri di rumahnya. Akibat kecewa dan marah dengan tindakan teman lelakinya memutuskan

hubungan cinta mereka, remaja ini telah bertindak mengelar pergelangan tangannya. Remaja ini hampir maut kerana kehilangan banyak darah. Namun dia dapat diselamatkan kerana tindakan pantas ahli keluarga menghantarnya ke hospital. Dalam menangani kes ini, kaunselor turut memaklumkan menggunakan pendekatan REBT dalam sesi kaunseling individu.

Temu bual seterusnya juga diadakan dengan seorang kaunselor sekolah menengah. Beliau menceritakan kejadian seorang pelajar sekolah yang mencederakan seorang pengawal keselamatan dengan menikamnya dari belakang. Pengawal keselamatan disahkan selamat namun mangsa mengalami kecederaan parah. Remaja berkenaan telah ditahan polis dan siasatan polis mendapati remaja tersebut bertindak demikian kerana marah dengan tindakan pegawai keselamatan yang melaporkan kepada pihak sekolah tentang perilakunya memanjat pagar dan ponteng sekolah. Akhirnya pelajar ini telah dibicarakan dan mahkamah memutuskan pelajar ini dimasukkan ke institusi pemulihan.

Kaunselor yang sama juga menceritakan satu pergaduhan kumpulan pelajar antara kaum yang berpunca daripada kemarahan. Semua pelajar yang terlibat telah ditahan polis. Hasil siasatan polis mendapati, kejadian yang berpunca kata-kata cacian dan cercaan melibatkan kaum. Marah atas cercaan itu telah menyebabkan pergaduhan antara dua kumpulan pelajar yang berlainan kaum ini dengan bersenjatakan besi dan kayu. Kumpulan pelajar ini turut dirujuk bagi menjalani sesi kaunseling. Kaunselor juga memaklumkan bahawa beliau menggunakan pendekatan REBT dalam menjalankan sesi kaunseling kelompok dengan pelajar-pelajar terlibat.

Institut pengajian tinggi seperti institut pendidikan guru (IPG) juga mendapati isu kemarahan ini menjadi faktor penyebab para pelajar yang juga golongan remaja, membuat salah laku dan tindakan negatif serta akhirnya membawa kepada permasalahan dalam pembelajaran dan kehidupan. Temu bual dengan seorang kaunselor pelajar institut pendidikan guru pada 22 November 2013 mendapati, terdapat satu kes remaja yang kerap kali melakukan salah laku disiplin seperti ponteng kuliah, tidak menyiapkan tugas dan tidak hadir ke perhimpunan pagi.

Hasil dapatan sesi kaunseling individu dengan remaja berkenaan mendapati, remaja tersebut terlalu marah, dendam dan tidak berpuas hati dengan sikap ibu bapanya yang menurutnya pilih kasih. Remaja berkenaan juga turut menunjukkan simptom-simptom seperti sering termenung, menyendiri, menangis secara tiba-tiba dan ketawa keseorangan. Kaunselor IPG berkenaan, telah mendapat persetujuan ibu bapa remaja berkenaan untuk merujuknya kepada pakar psikiatri hospital kerajaan. Menurut kaunselor berkenaan, pelajar tersebut disahkan mengalami kemurungan dan *post traumatic stress disorder* (PTSD) oleh pihak psikiatri hospital.

Hubungan kemurungan dengan kemarahan dan PTSD dengan kemarahan, ada dinyatakan oleh beberapa pengkaji. Antaranya ialah Sternberg (2005) dan Busch (2009). Semua pengkaji-pengkaji ini sepakat menyatakan bahawa punca kemurungan yang dialami oleh sampel-sampel kajian mereka adalah disebabkan kemarahan yang dipendam. Demikian juga dengan PTSD. Kajian oleh Orth dan Wieland (2006), McHugh, Forbes, Bates, Hopwood dan Creamer (2012), mendapati sampel-sampel yang disahkan mengalami PTSD dalam kajian mereka, banyak mengutarakan isu-isu

kemarahan dan dendam semasa sesi penerokaan dan rawatan. Semua kenyataan di atas menunjukkan isu-isu kemarahan dalam kalangan remaja sangat perlu ditangani dari peringkat awal sebelum menjadi lebih serius ke tahap psikotik.

Dari aspek intervensi, kajian berkaitan intervensi pengurusan kemarahan remaja di Malaysia, tidak banyak ditemui. Kajian Norisham (2013), Lee Shu Ching dan Nor Shafrin Ahmad (2017) adalah dua kajian berkenaan intervensi kemarahan dalam kalangan remaja. Kajian Norisham (2013) memberi penekanan terhadap kesan kaunseling kelompok dalam mengurus kemarahan remaja. Manakala kajian Lee Shu Ching dan Nor Shafrin Ahmad (2017) menumpukan intervensi Modul *Cognitif Behavioral Therapy* (CBT) dalam mengurus kemarahan remaja. Namun dua kajian intervensi kemarahan remaja ini menggunakan pendekatan yang berbeza. Aspek terapi seni tidak dibincangkan dalam intervensi kedua penyelidik tersebut dalam membantu mengurus kemarahan remaja. Atas sebab ini kajian ini mengambil inisiatif menambahkan lagi intervensi dalam mengurus kemarahan remaja melalui pendekatan terapi seni. Pengkayaan dalam intervensi pengurusan kemarahan remaja ini dapat menyumbang ke arah penurunan kes salah laku disiplin remaja kerana isu kemarahan remaja adalah antara penyumbang salah laku disiplin (Lee Sui Ching, 2015; Davis, 2014; Norisham, 2013; Kassinove, 2009).

Penggunaan intervensi terapi seni juga tidak banyak ditemui dalam konteks Malaysia berbanding luar negara. Terdapat beberapa kajian tempatan yang ditemui berkaitan intervensi terapi seni tetapi bukan bertujuan menangani isu kemarahan remaja. Kajian yang dibuat oleh Rafidah Kastawi (2013) berkaitan intervensi terapi adalah dalam membantu pelajar pintar dan berbakat dalam menyelesaikan masalah

yang dihadapi. Kajian oleh Farezz Vincent Amos dan Mohd Zahuri Khairani (2019) adalah menjurus kepada penggunaan intervensi terapi seni dalam membantu banduan membangunkan potensi diri. Rosliza Abdul Aziz dan Zakaria Mohamad (2015) mengutarakan penggunaan terapi seni dalam memangkin strategi daya tindak ibu tunggal. Juliana Dumpil dan Kundayis Labis (2015) menggunakan intervensi terapi seni bagi meneroka tingkah laku efeminet dalam kalangan sampel kajian mereka. Berdasarkan kajian-kajian yang dikemukakan ini, memang terdapat intervensi terapi seni digunakan di Malaysia. Namun intervensi terapi seni dalam mengurus kemarahan remaja belum lagi diteroka penggunaan dan keberkesanannya. Jurang inilah yang ingin dikaji oleh penyelidik melalui kajian pembinaan modul terapi seni dalam pengurusan kemarahan remaja.

Dapatan-dapatan di atas jelas menunjukkan kemarahan dalam kalangan remaja mendatangkan banyak kesan negatif. Maka dengan itu, kajian ini perlu bagi membina satu modul untuk membantu para remaja mengurus kemarahan yang dialami dengan lebih positif. Temu bual dengan kaunselor-kaunselor yang terlibat dengan isu kemarahan remaja mendapati mereka banyak menggunakan pendekatan REBT dalam menjalankan sesi kaunseling dengan pelajar-pelajar yang mengalami kemarahan. Dapatan kajian Norisham (2013) di empat buah sekolah dan tiga institut pendidikan guru di Kuala Lumpur dan Selangor turut mendapati, kaunselor-kaunselor di institusi berkenaan menggunakan pendekatan terapi seni dan REBT dalam kes-kes yang mempunyai kaitan dengan kemarahan remaja.

Apabila ditanya mengenai modul khusus yang digunakan dalam membantu mengurus kemarahan remaja, kaunselor-kaunselor tersebut turut menyatakan bahawa belum menemui apa-apa modul yang berkaitan. Malahan kursus-kursus yang mereka dihadiri untuk tujuan peningkatan profesionalisme, tidak memberi pendedahan tentang pendekatan khusus dalam menangani kemarahan remaja. Walaupun ada kaunselor yang mengakui terdapat kursus-kursus pendek yang boleh diikuti berkaitan pengurusan kemarahan tetapi kebanyakan di luar negara yang memerlukan kos yang tinggi untuk mengikutinya.

Di luar negara, kebanyakan ahli psikologi dan kaunselor mengakui bahawa ramai klien yang mengalami kemarahan, tetapi mereka masih tidak jelas cara dan kaedah rawatan terbaik (Holloway, 2003). Tetapi menurut Kassinove dan Tafrate (2002) kebanyakan kaunselor menggunakan pendekatan kognitif tingkah laku dalam sesi kaunseling dengan klien-klien yang mengalami kemarahan. Namun, menurut Breiner, Tuomisto, Bouyea, Gussak dan Aufderheide (2012), terdapat juga kaunselor dan ahli psikologi yang menggunakan pendekatan terapi seni dalam membantu mengurus kemarahan. Menurut Hogan (2016), melalui pendekatan terapi seni, individu yang marah dapat mengetahui perihal dirinya dengan lebih mendalam dari pelbagai sudut pandangan yang dia sendiri tidak menyedarinya.

Menurut Kapitan (2017), penggunaan terapi seni sebagai intervensi rawatan khususnya dalam sesi kaunseling membolehkan penerokaan mendalam terhadap permasalahan remaja seperti kemarahan dapat dilakukan dengan lebih baik berbanding sesi verbal sahaja. Gussak (2009), turut mengakui bahawa penggunaan

terapi seni dalam sesi bersama sampel kemarahan dalam kajiannya telah menunjukkan perubahan yang positif.

McTaggart (2010) menyatakan pendekatan terapi seni akan memberi pengalaman yang bermakna kepada remaja dan impak yang baik bagi membina penghargaan sendiri dan perubahan tingkah laku. Bagi Orsan (2010), terapi seni dapat menurunkan kadar kemarahan seseorang klien. Menurut Orsan (2010), apabila klien yang mengalami kemarahan melukis di atas kertas, tenaga kemarahan itu dapat dilepaskan walaupun klien tersebut tidak berkata-kata.

Namun, kebanyakan pendekatan terapi seni yang dikemukakan ini, adalah kajian-kajian di luar negara. Di Malaysia, kajian tentang pendekatan terapi seni dalam mengurus kemarahan remaja masih kurang ditemui. Oleh itu, kajian ini amat perlu bagi membina satu modul terapi seni pengurusan kemarahan remaja dalam membantu remaja-remaja di Malaysia dalam mengurus kemarahan.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk;

- 1.4.1 Membina Modul Terapi Seni Dalam Pengurusan Kemarahan Remaja.
- 1.4.2 Mengenal pasti kesahan Modul Terapi Seni Dalam Pengurusan Kemarahan Remaja.
- 1.4.3 Mengenal pasti kebolehpercayaan Modul Terapi Seni Dalam Pengurusan Kemarahan Remaja.
- 1.4.4 Mengenal pasti kesan Modul Terapi Seni Dalam Pengurusan Kemarahan Remaja.

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat menjawab beberapa persoalan berikut?

- 1.5.1 Bagaimana Modul Terapi Seni Dalam Pengurusan Kemarahan Remaja dibina?
- 1.5.2 Apakah kesahan Modul Terapi Seni Dalam Pengurusan Kemarahan Remaja?
- 1.5.3 Apakah kebolehpercayaan Modul Terapi Seni Dalam Pengurusan Kemarahan Remaja?
- 1.5.4 Apakah kesan Modul Terapi Seni Dalam Pengurusan Kemarahan Remaja?

1.6 Hipotesis Kajian

- Ha1 Terdapat perbezaan yang signifikan skor kemarahan dalam kalangan remaja.
- Ha2 Terdapat perbezaan kesan yang signifikan modul terapi seni terhadap pengurusan kemarahan remaja.
- Ha3 Terdapat perbezaan kesan yang signifikan modul terapi seni terhadap kemarahan remaja berdasarkan jantina.
- Ha4 Terdapat perbezaan kesan yang signifikan modul terapi seni terhadap pengurusan kemarahan remaja berdasarkan masa.

1.7 Rasional Kajian

Rasional kajian ini dijalankan adalah untuk membina satu modul pengurusan kemarahan remaja menggunakan pendekatan terapi seni. Terdapat kajian-kajian di luar negara yang menunjukkan penggunaan terapi seni dalam menangani kemarahan remaja. McTaggart (2010) menyatakan pendekatan terapi seni akan memberi pengalaman yang bermakna kepada remaja dan impak yang baik bagi membina penghargaan sendiri dan perubahan tingkah laku. Kemarahan adalah antara masalah

kesihatan mental dan emosi (Kassinove, 2009). Bagi Breiner et al. (2012), pendekatan terapi seni amat sesuai digunakan dalam pengurusan kesihatan mental, emosi, dan kesihatan fizikal. Menurut Fetsch dan Jacobson (2007), kemarahan juga adalah penyumbang kepada kemurungan. Penggunaan terapi seni juga telah menunjukkan perubahan yang positif terhadap klien yang mengalami kemarahan dan kemurungan (Gussak, 2009).

Di Malaysia, kajian berkaitan penggunaan terapi seni dalam menangani kemarahan remaja masih kurang ditemui. Tinjauan terhadap kaunselor-kaunselor di empat buah sekolah dan dua institut pendidikan guru mendapati mereka tidak pernah menggunakan pendekatan terapi seni dalam mengendalikan kes-kes kemarahan remaja. Oleh itu, kajian ini perlu untuk membina satu modul pengurusan kemarahan remaja menggunakan kaedah terapi seni.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kepada beberapa pihak iaitu;

1.8.1 Kaunselor dan Kaunselor pelajar

Hasil daripada kajian ini diharap dapat membantu kaunselor khususnya di institusi-institusi pendidikan dalam mengurus kes-kes kemarahan dalam kalangan remaja. Marah akan menyebabkan kecenderungan individu untuk menampilkan tingkah laku agresif dan negatif (Kassinove, 2014). Azizi dan Faizah (2004) berpendapat bahawa kemarahan boleh menyebabkan remaja menghasilkan tingkah laku yang agresif. Penggunaan pendekatan terapi seni diharapkan dapat membantu para kaunselor

menangani kemarahan remaja dan seterusnya mengurangkan salah laku disiplin dalam kalangan remaja.

1.8.2 Pengkaji

Kajian ini juga dapat dijadikan sumber rujukan kepada pengkaji lain dalam membantu individu yang mengalami kemarahan. Maklumat-maklumat yang diperoleh dalam kajian ini diharapkan dapat membantu pengkaji lain untuk membuat kajian-kajian lain yang berkaitan pengurusan kemarahan.

1.8.3 Remaja

Kajian ini penting dalam membantu remaja menangani kemarahan yang dialami. Melalui kajian ini, subjek dapat mengetahui tentang kesan kemarahan serta cara untuk mereka mengurus kemarahan yang dialami. Hal ini selari dengan pendapat Johnson (2009) yang menyatakan bahawa remaja perlu dibantu, diberi sistem sokongan, daya tindak dan diberi pengetahuan dalam mengawal kemarahan mereka. Seterusnya, semua subjek yang terlibat dalam kajian ini, diharapkan dapat menjalankan aktiviti kehidupan dengan lebih positif.

1.8.4 Kementerian Pendidikan Malaysia

Kepentingan kajian ini pada Kementerian Pendidikan Malaysia adalah dapat membantu mengurangkan statistik salah laku disiplin dalam kalangan remaja yang juga pelajar sekolah. Hal ini kerana, terdapat kajian luar negara dan dalam negara yang menunjukkan kemarahan adalah punca salah laku disiplin dan juvana dalam kalangan remaja (Davis, 2014; Norisham, 2013; Averill, 2012). Dengan adanya modul ini, diharapkan dapat membantu para remaja mengurus kemarahan yang

dialami dan seterusnya mengurangkan statistik salah laku disiplin dalam kalangan remaja yang merupakan pelajar sekolah.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini merupakan kajian yang melibatkan remaja di sekolah atau pelajar sekolah yang mengalami kemarahan. Oleh yang demikian, kajian ini tidak boleh dibuat generalisasi untuk lain-lain populasi kes kemarahan seperti kemarahan individu yang di luar usia remaja. Pengkaji juga hanya menggunakan Pendekatan Ekspresi Terapi Seni Pemusatan Insan (EAT-PCT). Dalam pendekatan ini pula hanya teknik ekspresi seni visual yang digunakan dalam membantu klien mengurus masalah kemarahan mereka.

1.10 Definisi Istilah

1.10.1 Modul

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), modul bermaksud pelajaran yang dapat dilaksanakan secara sendiri atau pelaksana modul ke arah pencapaian sesuatu kelayakan atau kemahiran. Bagi Rusell (1974), modul adalah pakej pengajaran berkaitan dengan satu unit konsep mata pelajaran yang boleh digunakan secara sendiri oleh pelajar atau dibantu oleh guru. Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2008) menyatakan bahawa modul adalah bahan yang mengandungi pelbagai aktiviti yang telah dirancang secara sistematik bagi memudahkan peserta mencapai dan menguasai objektif-objektif yang telah ditetapkan. Menurut Jamaludin Ahmad (2015), modul adalah satu atau beberapa aktiviti yang menerangkan, menjelaskan, memaparkan serta membincangkan sesuatu tajuk atau topik tertentu secara sistematik dan berurutan. Bagi Jamaludin Ahmad (2015) modul bertujuan bagi memudahkan

peserta untuk menguasai serta mengikuti semua aktiviti tersebut dengan mudah, cepat dan tepat sama ada secara sendiri atau berbantuan fasilitator. Dalam kajian ini, modul merujuk kepada satu bahan intervensi yang dibina dengan menggabungkan konsep kaunseling dan terapi seni untuk membantu remaja dalam pengurusan kemarahan. Modul ini dibina berdasarkan model pembinaan modul Rusell (1974).

1.10.2 Terapi Seni

Menurut Rubin (2016), terapi seni satu proses integrasi teknik psikoterapi dengan proses kreatif yang dikendalikan oleh ahli-ahli yang terlatih untuk membantu meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan mental. Kapitan (2017) mula menyatakan bahawa terapi seni adalah satu pendekatan untuk kesihatan mental oleh individu terlatih yang menggunakan proses mencipta seni untuk meningkatkan kesejahteraan mental, fizikal, dan emosi. Dalam konteks kajian ini, terapi seni merujuk kepada pendekatan gabungan terapi seni ekspresi (EAT) dan teori kaunseling pemusatan klien (PCT) yang diperkenalkan Natalie Rogers (1993). Pendekatan ini adalah asas pembinaan modul TASMAR dalam membantu remaja mengurus kemarahan melalui aktiviti seni seperti melukis, mewarna, membentuk plastisin dan kolaj.

1.10.3 Kemarahan

Kassinove dan Tafrate (2019) mentakrifkan kemarahan sebagai satu keadaan emosi negatif yang memungkinkan berlaku peningkatan ghairah fisiologi, mengganggu kewarasan fikiran, berkecenderungan tinggi untuk bertingkah laku agresif. Bagi Nussbaum (2016), kemarahan adalah tekanan emosi yang negatif, yang boleh memberi kesan tindakan yang negatif serta bersifat antagonisme. Russel, Olive, Juliet, dan Kara Loseo (2010), mentakrifkan sebagai perasaan tidak berpuas hati


akibat kecederaan, penganiayaan, dibangkang, dan lain-lain dan biasanya akan menunjukkan dirinya dalam keinginan untuk melawan punca yang menjadi penyebab tercetusnya perasaan ini. Spielberger (2008) mentakrifkan kemarahan sebagai satu emosi yang boleh berada pada tahap yang rendah sehingga tahap yang tinggi serta boleh menjadi semakin ganas. Dalam kajian ini, kemarahan merujuk lima konstruk dalam instrumen *State-Trait Anger Expression Inventory-2, Child & Adolescent* (STAXI-2 C/A, oleh Brunner dan Spielberger (2009) iaitu keadaan kemarahan, sifat kemarahan, peluahan kemarahan, pemendaman kemarahan dan kawalan kemarahan. Remaja yang mengalami kemarahan dalam kajian ini adalah remaja yang mendapat skor kemarahan melebihi nilai 76 dalam instrumen STAXI-2 C/A.

1.10.2 Remaja

World Health Organization atau WHO (2014), mentakrifkan remaja adalah zaman selepas kanak-kanak dan sebelum alam dewasa, antara peringkat umur 10 ke 19 tahun. WHO (2014) mendapati, zaman remaja adalah satu zaman peralihan yang kritikal dalam jangka hayat manusia kerana manusia akan mengalami perubahan yang ketara dalam aspek biologi, emosi dan fizikal. Zirpolli (2005), menyatakan bahawa remaja adalah mereka yang berumur dalam lingkungan 12 tahun hingga 18 tahun. Menurutnya lagi manusia pada peringkat remaja akan mengalami perubahan dari segi fizikal, kognitif, emosi dan sosial. Dalam kajian ini, remaja merujuk kepada pelajar-pelajar tingkatan 4 sekolah menengah yang mendapat skor yang melebihi 76 peratus dalam ujian kemarahan menggunakan alat ukur STAXI-2 C/A.

1.11 Kerangka Konsep Kajian

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konsep kajian ini. Pemboleh ubah bersandar adalah keseluruhan dimensi pengurusan kemarahan iaitu dari aspek kemarahan fizikal, verbal dan kemarahan yang dipendam. Manakala pemboleh tidak bersandar adalah Modul Terapi Seni Pengurusan Kemarahan Remaja yang mengaplikasikan pendekatan *Expressive Art Therapy-Person Centred Theory* atau Pendekatan Terapi Seni Ekspresi Pemusatan Insan menggunakan teknik ekspresi seni visual iaitu melukis, kolaj dan membentuk plastisin. Jantina dan masa (pra, pasca dan susulan) juga adalah pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini.



Rajah 1.1. Kerangka Konsep Kajian

1.12 Kesimpulan

Keseluruhan kajian ini adalah untuk membina modul terapi seni dalam mengurus kemarahan remaja. Kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti keberkesanan modul. Dalam bab ini, diterang dan dijelaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan tajuk kajian seperti latar belakang kajian, rasional kajian, pernyataan masalah, batasan kajian dan definisi istilah yang meliputi definisi konsep serta definisi operasional.